

Tema 10

Pelancongan



Kertas 1

Bahagian A Pemahaman Teks

Baca petikan cerpen "Oren" halaman 38 dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Oren juga selama ... kepada Kelabu.

- 1 Mengapakah "dia" tidak sanggup membiarkan Oren begitu sahaja?
- A Kerana "dia" menyayangi ibu Oren
 - B Kerana "dia" tidak tahu pemilik Oren
 - C Kerana "dia" tidak tahu tempat tinggal Oren
 - D Kerana "dia" menjadi punca Oren kematian ibu

"Ke manakah ... Oren?" soalnya ... kucingnya itu.

- 2 Perwatakan "dia" yang paling sesuai berdasarkan pernyataan tersebut ialah seorang yang
- A baik hati. C penyayang.
 - B peramah. D bertoleransi.

Oren juga ... menjaga sikapnya ... sering diurus sendiri ...

- 3 Pengajaran yang berikut sesuai seperti yang digambarkan dalam situasi di atas, kecuali
- A kita mestilah sentiasa berkunjung ke rumah orang.

- B kita hendaklah sentiasa mengutamakan kebersihan diri.
- C kita haruslah mengamalkan nilai murni dalam kehidupan.
- D kita mestilah sentiasa menjaga tingkah laku di mana-mana.

- 4 Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **benar** tentang Oren?

- A Suka bertamu ke rumah orang
- B Sentiasa menjaga perlakuannya
- C Bijak mengurus kebersihan dirinya
- D Tidak membuang najisnya di dalam rumah

- 5 Nilai yang berikut terdapat dalam petikan, kecuali

- A rasional. C kebijaksanaan.
- B kasih sayang. D bantu-membantu.

Info KOMSAS

Tema ialah gagasan utama yang mendasari sebuah cerita. Tema yang mendasari cerpen "Oren" ialah kasih sayang terhadap haiwan peliharaan.

Aktiviti PAK-21 Hot Seat

- 1 Guru meminta murid menguasai watak Oren.
- 2 Seorang murid tampil ke hadapan kelas dan duduk di kerusi.
- 3 Murid tersebut menjawab soalan yang dikemukakan oleh murid lain berkaitan dengan watak dan perwatakan Oren.